

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 02.04.2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes yang dilaporkan kepada SPRM, disiasat, dijatuhkan hukuman dan dibebaskan atau diberikan amaran sahaja mengikut pecahan daerah, tuduhan dan tahun dari 2008 hingga 2013.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak penubuhan SPRM pada tahun 2009 sehingga kini, SPRM telah menerima 57,938 maklumat. Daripada jumlah itu, SPRM telah membuka 5517 Kertas Siasatan yang mempunyai asas kesalahan rasuah. Sehubungan itu 1459 orang juga telah dituduh di mahkamah.

Manakala bagi kes-kes yang disabitkan, sepanjang tahun 2009, sejumlah 174 kes telah diselesaikan di peringkat perbicaraan awal dimana 94 kes telah disabitkan kesalahan, 52 kes telah dilepas dan dibebaskan manakala 5 kes ditarik balik.

Pada tahun 2010 pula, sebanyak 431 kes telah diselesaikan di peringkat perbicaraan awal dan sebanyak 309 kes telah disabitkan kesalahan, 14 kes dilepaskan tanpa dibebaskan dan 4 kes ditarik balik.

Pada tahun 2011, sejumlah 520 kes telah diselesaikan di peringkat perbicaraan awal dimana 388 kes telah disabitkan kesalahan, 114 kes dilepaskan dan dibebaskan dan 18 kes dilepas tanpa bebas.

Pada tahun 2012, sebanyak 401 kes telah diselesaikan dan dari jumlah tersebut, 339 kes telah disabitkan kesalahan, 54 kes dilepaskan dan dibebaskan dan 8 kes dilepas tanpa bebas.

Manakala bagi tahun 2013 sejumlah 315 kes telah selesai di peringkat perbicaraan awal dimana 265 kes telah disabitkan kesalahan, 44 kes dilepaskan dan dibebaskan dan 6 kes lepas tanpa bebas.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]**

TARIKH : **2 APRIL 2014 (RABU)**

SOALAN : **59**

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berdasarkan status Labuan sebagai hub logistik minyak dan gas yang menjadi pintu masuk peralatan minyak dan gas (*Oil & Gas Tools*) di mana sembilan (9) penerbangan pesawat kargo udara dijadualkan setiap minggu. Adakah pihak Kementerian merancang untuk mendirikan terminal kargo di Lapangan Terbang Labuan dalam masa terdekat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Labuan, Kementerian Pengangkutan sememangnya menyedari bahawa terdapat keperluan untuk membina sebuah terminal kargo di Lapangan Terbang Labuan memandangkan prestasi pengendalian kargo di lapangan terbang tersebut adalah menggalakkan. Contohnya pada tahun 2013, jumlah kargo yang dikendalikan di Lapangan Terbang Labuan ialah sebanyak 9,329 tan metrik. Oleh sebab permintaan terhadap operasi kargo adalah menggalakkan, Kementerian akan mengemukakan permohonan siling peruntukan kepada Unit Perancang Ekonomi bagi tujuan pembinaan sebuah terminal kargo di Lapangan Terbang Labuan pada *Rolling Plan* yang akan datang.